

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN P. KASTHURIRAANI (BATU KAWAN)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa perbelanjaan Kerajaan setakat ini untuk ujian COVID-19 di penjara dan pusat tahanan, bilangan banduan dan tahanan yang telah diuji serta bilangan yang positif setakat ini dan nyatakan pembaharuan atau 'reform' dalam rancangan pihak Kerajaan untuk memulihara penjara dan pusat tahanan di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia, jumlah banduan dan tahanan yang telah dibuat saringan COVID-19 dari 29 Ogos 2020 sehingga 21 Oktober 2020 adalah seramai 25,734 banduan. Dalam tempoh tersebut iaitu pada 21 Oktober 2020 seramai 1,434 banduan telah disahkan positif COVID-19.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bahawa sehingga tempoh tersebut pihak KKM telah membelanjakan sebanyak RM194 juta secara keseluruhan termasuk penjara dan pusat tahanan dalam melaksanakan ujian COVID-19 yang melibatkan pembelian reagen dan *test kit*, penghantaran sampel serta *outsourced* perkhidmatan makmal swasta.

## SOALAN NO : 55

Jabatan Penjara Malaysia melalui KDN telah memulakan rancangan dalam pelaksanaan pembaharuan sistem penjara atau transformasi penjara yang antaranya akan membolehkan 2/3 banduan sabitan yang layak, menjalani pemulihan di luar penjara menjelang 2030. Ini adalah selaras dengan fungsi dan konsep sesebuah penjara yang bertujuan untuk membangunkan semula insan dan mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Berasaskan sasaran tersebut, pencapaian serta proses yang sedang dalam tindakan adalah seperti berikut:

- i. Pada ketika ini daripada 22,000 banduan yang layak (2/3 dari banduan yang layak) sebanyak 16.8% sedang mengikuti Program Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni Industri di luar penjara;
- ii. Melalui kejayaan yang telah dicapai dalam Sistem Parol dan Perintah Kehadiran Wajib yang sedang dilaksanakan, cadangan peluasan telah dibuat oleh Jabatan Penjara Malaysia yang melibatkan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta pindaan kepada tempoh hukuman bagi Perintah Kehadiran Wajib;
- iii. Jabatan Penjara Malaysia juga telah mula melaksanakan ketetapan berasaskan pindaan kepada Peraturan 111(1), Peraturan-Peraturan Penjara 2000 melalui program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) untuk banduan yang mana hukumannya kurang dari setahun. Melalui program tersebut, banduan yang memenuhi syarat pemilihan boleh mengikuti program seperti program latihan pekerjaan di sektor perkilangan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Lembaga Pembebasan Banduan Secara Lesen yang ditubuhkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, telah melibatkan keahlian daripada pihak luar selain daripada penglibatan pihak Jabatan Penjara Malaysia. Melalui mesyuarat pertamanya pada awal Oktober 2020, Lembaga PBSL telah menilai laporan untuk 1,200 banduan yang layak dan telah mengesyorkan kepada Komisioner Jeneral Penjara sejumlah banduan yang wajar diberikan pelepasan banduan secara lesen. Untuk makluman

## SOALAN NO : 55

Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat sekitar 11,000 banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan kurang dari setahun.

- iv. Memperkemaskan lagi latihan kemahiran vokasional, latihan bersijil serta sistem latihan pekerjaan di dalam penjara bagi membolehkan banduan yang layak, dipertimbangkan untuk mengikuti program pekerjaan dan program Reintegrasi Penghuni Industri. Peluang pekerjaan adalah antara faktor utama yang mampu membendung pengulangan kes jenayah dan residivis;
- v. Begitu juga sistem pemulihan yang sedang dilaksanakan telah diperkemaskan dengan pelbagai ujian psikologi yang bersesuaian dengan kategori banduan berkenaan untuk melihat kesediaan penerimaan pemulihan, kesesuaian bentuk pemulihan dan tahap risiko seseorang banduan;
- vi. Cadangan yang melibatkan *Probation* dan *Community Correction* yang melibatkan beberapa alternatif kepada hukuman pemenjaraan sedang dalam penilaian oleh Agensi yang berkaitan dengan perundangan. Jika dipersetujui tatacara pelaksanaan yang melibatkan syarat dan prosedur operasi standard (*SOP*) akan disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia; dan
- vii. Seramai lebih kurang 300 banduan terlibat dalam pelaksanaan program penempatan semula banduan.